



RIBUAN kenderaan terperangkap dalam kesesakan teruk setelah Jalan Tun Razak berhadapan Perpustakaan Negara di Kuala Lumpur ditenggelami banjir kilat.

Jalan Tun Razak banjir kilat

Ribuan kenderaan terperangkap

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHAMED NOR

luqman.ridhwan@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Ribuan kenderaan terperangkap dalam kesesakan teruk manakala berpuluh yang lain 'tersangkut' dalam kejadian banjir kilat yang berlaku di Jalan Tun Razak berhampiran Perpustakaan Negara di sini semalam.

Kejadian yang berlaku pada pukul 4.40 petang itu telah menyebabkan aliran trafik terhenti sepenuhnya di Bulatan Pahang menuju ke semua arah.

Menurut jurucakap Bilik Gerakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, julat hujan kira-kira 5 milimeter yang berlaku petang semalam menjadi punca utama berlakunya banjir kilat itu.

Katanya, kuantiti air hujan yang banyak

menyebabkan sistem saliran air di kawasan berkenaan tidak mampu menampung jumlah air tersebut sehingga ia melimpah dan berlaku banjir kilat.

"Berikutan banjir kilat itu, orang ramai dari kedua-dua arah yang tersangkut akibat banjir itu diberi laluan alternatif iaitu Jalan Ipoh bagi mengurangkan kesesakan di Jalan Tun Razak.

"Polis trafik dan petugas DBKL turut bekerjasama bagi mengawal lalu lintas yang sesak akibat banjir berkenaan," katanya.

Tambah jurucakap itu, kawasan Lebuhraya Pasar Besar dan Jalan Sulaiman di sini turut berpotensi untuk berlaku banjir kilat yang seterusnya jika kuantiti hujan yang banyak turut dicatatkan di kawasan berkenaan.